

Laporan Pertandingan Inovasi PdP Peringkat IPG Kampus Batu Lintang Tahun 2016

Oleh Mohd Richard Neles Abdullah

Pada 20 April 2016, IPGKBL melalui Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan telah melaksanakan Pertandingan Inovasi PdP Peringkat IPGKBL 2016. Pertandingan berlangsung daripada pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Dalam ucapan alu-aluannya, Ketua Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan (PIPK) Dr. Wong Shia Ho mengucapkan terima kasih kepada AJK Pertandingan yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah Jabatan PIPK dan beberapa orang dalam kalangan staf pelaksana. Menurut beliau lagi, "...pelaksanaan dan amalan inovasi dalam PdP merupakan sesuatu yang relevan dan sejajar dengan visi dan misi IPGM."

Hakim bagi pertandingan pada kali ini terdiri daripada tiga orang pensyarah dari IPG Kampus Tun Abdul Razak yang terlibat aktif di dalam pelaksanaan inovasi PdP iaitu Cik Zaliha binti Musa, Dr. Tay Soon Hiang dan Dr. Noraini binti Hj. Omar. Dalam komennya, Ketua Hakim memberitahu bahawa terdapatnya peningkatan dari segi kualiti inovasi PdP yang dipertandingkan pada kali ini, khasnya dari segi kesan pelaksanaan.

Dalam ucapan Perasmian Penungguhan Pertandingan Inovasi PdP Peringkat IPGKBL Tahun 2016 oleh Tuan Pengarah IPGKBL En. Bedui bin Une, beliau memberitahu mengenai kepentingan inovasi PdP dalam penyampaian ilmu. "...bayangkan, seorang guru yang berjaya menyampaikan pelajarannya melalui inovasi yang dilaksanakannya, dimana murid-murid lebih mudah memahami kandungan pelajaran dan digunapakai dalam sepanjang kehidupan mereka. Ini merupakan sumbangan penginovasi yang sebenar kerana inovasi tersebut akan terus berguna dan meninggalkan kesan yang signifikan walaupun beliau telah tiada."

Hadiah berupa piala dan sijil telah disampaikan oleh Pengarah kepada para pemenang. Johan bagi kategori pensyarah dimenangi oleh En. Mohd Richard Neles Abdullah dengan inovasinya bertajuk 'Buku Amalan HB&K Bermanual.' Naib Johan disandang oleh Pn. Tay Yong Choo dan En. Yap Chin Huat (Kaedah TSVU) dan Ketiga oleh En. Yahya bin Sedik (Model Perambatan Gelombang). Johan bagi kategori Pelajar Guru pula disandang oleh Cik Ng Sing Yee (Lukisan & Tafsiran Gambar), Naib Johan oleh Cik Vivian Lee Sze Lei (*Tortoise Game*) dan Ketiga oleh Cik Nik Syakirah binti Hilmi dan Cik Siti Shahirah binti Jazlansanadi (Bulatan Kaf dan Qof).

		
<p>Pengarah IPGKBL, En. Bedui bin Une merasmikan Penangguhan Pertandingan Inovasi P&P IPGKBL 2016</p>	<p>Ketua Jabatan PIPK, Dr. Wong Shia Ho memberikan kata alu-aluannya semasa Majlis pembukaan Pertandingan Inovasi P&P IPGKBL 2016</p>	<p>Para hakim sedang menghakimi inovasi para peserta di <i>booth</i> masing-masing</p>
		
<p>Para pelajar guru dan pensyarah turut melawat mengambil kesempatan melawat <i>booth</i> peserta</p>	<p>Gelagat peserta Kategori Pelajar Guru di <i>booth</i></p>	<p>Para pemenang mengambil gambar bersama pensyarah pembimbing mereka</p>